

Jangka hayat wanita melonjak sehingga 77.2 tahun berbanding lelaki 72.6 tahun

Rakyat Malaysia makin panjang umur

Kosmo
1/11/16 mls-3

PUTRAJAYA - Berita baik untuk seluruh rakyat Malaysia apabila Jabatan Perangkaan mendedahkan penduduk negara ini semakin panjang umur. Menurut jabatan itu, purata jangka hayat hidup penduduk negara ini semakin meningkat kepada 74.7 tahun pada tahun 2016 berbanding 72.2 tahun pada tahun 2010.

Kaum wanita Malaysia katanya dijangka hidup lebih lama antara 4.6 hingga 4.7 tahun lebih panjang berbanding kaum lelaki.

Katanya, purata jangka hayat wanita Malaysia ialah 77.2 tahun berbanding kaum lelaki 72.6 tahun.

"Seorang bayi lelaki yang baru lahir dijangka boleh hidup selama 72.6 tahun, meningkat 0.7 tahun berbanding 71.9 tahun pada 2010.

"Bayi perempuan yang baru lahir pula



PURATA jangka hayat penduduk Malaysia meningkat tahun ini kepada 74.7 tahun berbanding 72.2 tahun pada tahun 2010.

- Gambar hiasan

dijangka boleh hidup selama 77.2 tahun, meningkat 0.6 tahun berbanding 76.6 tahun bagi tempoh yang sama," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Jabatan tersebut turut memberi

khobar gembira untuk warga emas berusia 65 tahun di negara ini kerana mereka dijangka hidup lebih lama iaitu 14.9 tahun untuk lelaki manakala 16.9 tahun untuk perempuan.

"Ini bermakna, lelaki yang berumur 65 tahun dijangka boleh hidup sehingga umur 79.9 tahun dan perempuan sehingga umur 81.9 tahun," katanya.

Sementara itu, semua kumpulan etnik mencatatkan peningkatan dalam jangkaan hayat.

Kenyataan itu menyebut kaum Cina terus mencatatkan jangkaan hayat ter-

INFO Jangka hayat rakyat Malaysia

Tahun	Lelaki	Perempuan
2000	70 tahun	74.7 tahun
2012	72.2 tahun	76.9 tahun
2014	72.4 tahun	77 tahun
2016	72.6 tahun	77.2 tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penduduk 3 negara paling panjang umur

Negara	Lelaki	Perempuan
1. Jepun	80.5 tahun	86.8 tahun
2. Switzerland	81.3 tahun	85.3 tahun
3. Singapura	80 tahun	86.1 tahun

tinggi dengan 77.3 tahun, diikuti oleh bumi-putera (73.6 tahun) dan India (71.8 tahun).

Jangkaan hayat tertinggi mengikut jantina dicatatkan kaum Cina dengan 75 tahun bagi lelaki dan 79.9 tahun bagi perempuan.